



MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

PROSEDUR KKP (OPERASI)

NO. DOKUMEN: PO - KKP - MBIP - 016

PENGURUSAN BUNYI BISING

Disediakan Oleh:

Disemak Oleh:


(Sr. Ts. Dr. HAJI MOHAMED ALI BIN MOHAMED
ABU BACKER)
Pengarah
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
Majlis Bandaraya Iskandar Puteri


(SHAHRULIZAM BIN ABDUL RASHID)
Timbalan Setiausaha
Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

Diluluskan Oleh:


(DATO' HAJI MOHD HAFIZ BIN HAJI AHMAD)
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI
JALAN MEDINI SENTRAL 9
BANDAR MEDINI ISKANDAR
79250 ISKANDAR PUTERI
JOHOR, MALAYSIA

[illegible]

	PROSEDUR KKP (OPERASI)	TARIKH PINDAAN : 14.5.2024
		NO. PINDAAN : 01
PO-KKP-MBIP-016	PENGURUSAN BUNYI BISING	MUKA SURAT : 3 drp. 13

1.0 SKOP

- 1.1 Prosedur ini hendaklah diguna pakai di **MBIP** dan meliputi semua aktiviti yang menghasilkan bunyi bising.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Untuk mewujudkan, melaksanakan dan mengekalkan prosedur bagi menguruskan bunyi bising serta mematuhi undang-undang dan keperluan lain.
- 2.2 Untuk memastikan warga kerja / kontraktor dilindungi daripada pendedahan terhadap bunyi bising yang boleh memudaratkan di tempat kerja.
- 2.3 Untuk menyediakan garis panduan bagi melaksanakan program pemantauan dan pengawalan pendedahan terhadap bunyi bising.

3.0 PERANAN, TANGGUNGJAWAB DAN KUASA

- 3.1 Pegawai berkenaan hendaklah bertanggungjawab memastikan orang yang kompeten menjalankan pemantauan dan pengukuran bunyi bising.
- 3.2 Pegawai berkenaan dan kontraktor hendaklah bekerjasama dengan orang yang kompeten bagi menjalankan pemantauan dan pengukuran bunyi bising.
- 3.3 Semua warga kerja, pelawat dan kontraktor yang terlibat hendaklah bertanggungjawab mematuhi prosedur ini.

4.0 TERMA DAN DEFINISI

- 4.1 MBIP
Majlis Bandaraya Iskandar Puteri
- 4.2 DB
Datuk Bandar
- 4.3 SU
Setiausaha
- 4.4 TSU
Timbalan Setiausaha
- 4.5 JKK **MBIP**
Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan **MBIP**

	PROSEDUR KKP (OPERASI)	TARIKH PINDAAN : 14.5.2024
		NO. PINDAAN : 01
PO-KKP-MBIP-016	PENGURUSAN BUNYI BISING	MUKA SURAT : 4 drp. 13

4.6 MS

Malaysian Standard

4.7 ISO

International Organization for Standardization

4.8 KKP

Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

4.9 SPKKP

Sistem Pengurusan KKP

4.10 MKKP

Manual KKP

4.11 PP-KKP

Prosedur Pengurusan KKP

4.12 PO-KKP

Prosedur Operasi KKP

4.13 Pengurusan Atasan

Orang atau kumpulan orang yang mengarahkan dan mengawal sesebuah organisasi pada peringkat tertinggi. Pengurusan atasan **MBIP** adalah DB dan SU.

NOTA 1 untuk entri: Pengurusan atasan mempunyai kuasa untuk mewakili kuasanya dan menyediakan sumber dalam organisasi, dengan syarat tanggungjawab utama bagi SPKKP dikekalkan.

NOTA 2 untuk entri: Jika skop sistem pengurusan hanya merangkumi sebahagian daripada organisasi, pengurusan atasan merujuk mereka yang mengarahkan dan mengawal bahagian organisasi tersebut.

NOTA 3 untuk entri: Perkataan ini merupakan salah satu daripada istilah biasa dan takrif teras untuk standard sistem pengurusan ISO yang diberikan dalam *Annex SL, Consolidated ISO Supplement to the ISO/IEC Directives, Part 1*. Nota 1 untuk entri telah diubah suai untuk menjelaskan tanggungjawab pengurusan atasan berhubung dengan sistem pengurusan KKP.

4.14 Pegawai Berkenaan

	PROSEDUR KKP (OPERASI)	TARIKH PINDAAN : 14.5.2024
		NO. PINDAAN : 01
PO-KKP-MBIP-016	PENGURUSAN BUNYI BISING	MUKA SURAT : 5 drp. 13

Orang atau kumpulan orang yang mengetuai atau bertanggungjawab dalam Pejabat / Jabatan / Unit masing-masing.

4.15 Warga Kerja

Kakitangan / pekerja **MBIP**.

4.16 JKKP (DOSH)

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Department of Occupational Safety and Health).

4.17 PPE

Personal Protective Equipment.

4.18 PEL

Permissible Exposure Limit.

4.19 Kontraktor

Adalah mereka yang dilantik menjalankan kerja di bawah penyeliaan **MBIP**.

4.20 Pelawat

Adalah mereka yang datang membuat lawatan.

4.21 Orang yang Kompeten

Adalah orang yang berdaftar dengan JKKP (DOSH) untuk melaksanakan pemantauan pendedahan bunyi bising.

- *Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pendedahan Bunyi Bising) 2019*

4.22 Pendedahan Bising

Amaun tekanan bunyi yang terdedah pada telinga seseorang yang tidak dilindungi.

- *Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pendedahan Bunyi Bising) 2019*

4.23 Pelindung Pendengaran Diri

Peranti yang dipakai oleh seseorang untuk mencegah kesan pendengaran yang tidak dikehendaki daripada *acoustic stimuli*.

	PROSEDUR KKP (OPERASI)	TARIKH PINDAAN : 14.5.2024
		NO. PINDAAN : 01
PO-KKP-MBIP-016	PENGURUSAN BUNYI BISING	MUKA SURAT : 6 drp. 13

- *Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pendedahan Bunyi Bising) 2019*

5.0 PROSEDUR

5.1 Am

5.1.1 Tempat yang dikenalpasti terdapat bunyi bising adalah seperti berikut:

5.1.1.1 *Chiller Room.*

5.1.1.2 *Genset Room.*

5.1.1.3 *Exhaust Fan for Toilet.*

5.1.2 Bilik penjana elektrik hendaklah kedap bunyi.

5.1.3 Semua aktiviti dalam bilik penjana elektrik hendaklah dilaksanakan dengan kehadiran orang kompeten.

5.2 Pengenalpastian Bising Berlebihan

5.2.1 Pegawai berkenaan hendaklah mengenal pasti sama ada warga kerjanya mungkin terdedah kepada bising berlebihan di tempat kerja.

5.2.2 Pegawai berkenaan hendaklah mengenal pasti semula sama ada warga kerjanya mungkin terdedah kepada bising berlebihan di tempat kerja:

5.2.2.1 Jika terdapat perubahan pada jentera, kelengkapan, proses, kerja, langkah-langkah kawalan atau operasi di tempat kerja yang boleh mendedahkan warga kerjanya kepada bising berlebihan;

5.2.2.2 Tidak lebih daripada satu tahun selepas tarikh pengenalpastian terdahulu; atau

5.2.2.3 Jika diarahkan untuk berbuat sedemikian oleh Ketua Pengarah JKKP Malaysia.

5.3 Penaksiran Risiko Bising

5.3.1 Jika Pegawai berkenaan mendapati, apabila pengenalpastian dibuat bahawa mana-mana warga kerjanya mungkin terdedah kepada bising berlebihan, WP hendaklah melantik penaksir risiko bising untuk menjalankan penaksiran risiko bising.

5.3.2 Penaksir risiko bising yang dilantik hendaklah:

	PROSEDUR KKP (OPERASI)	TARIKH PINDAAN : 14.5.2024
		NO. PINDAAN : 01
PO-KKP-MBIP-016	PENGURUSAN BUNYI BISING	MUKA SURAT : 7 drp. 13

5.3.2.1 Berdaftar dengan JKPP Malaysia mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh JKPP Malaysia; dan

5.3.2.2 Memiliki perakuan sah yang dikeluarkan oleh JKPP Malaysia untuk menjalankan penaksiran risiko bising.

5.3.3 Penaksir risiko bising hendaklah menjalankan penaksiran risiko bising dengan menggunakan kelengkapan mengukur bising yang mematuhi standard yang ditentukan oleh Suruhanjaya Elektroteknik Antarabangsa.

5.3.4 Apabila selesai penaksiran risiko bising, penaksir risiko bising hendaklah menyediakan laporan dan mengemukakan laporan itu kepada Pengurusan **MBIP** dalam masa satu bulan dari tarikh penaksiran itu selesai.

5.3.5 Laporan hendaklah termasuk dapatan, dan syor yang dibuat oleh, penaksir risiko bising berkenaan dengan penaksiran risiko bising yang telah dijalankan.

5.3.6 Apabila laporan diterima, Pegawai berkenaan / JKK **MBIP** hendaklah memberitahu pekerja yang terdedah kepada bising berlebihan mengenai dapatan dan syor dalam masa empat belas (14) hari selepas menerima laporan itu daripada penaksir risiko bising.

5.3.7 Jika laporan yang disediakan mengandungi syor bagi apa-apa tindakan hendaklah diambil, Pegawai berkenaan / JKK **MBIP** hendaklah menjalankan syor itu dalam masa tiga puluh hari selepas menerima laporan itu daripada penaksir risiko bising.

5.3.8 Pegawai berkenaan / JKK **MBIP** hendaklah menyebabkan penaksiran risiko bising yang disebut dikaji semula:

5.3.8.1 Tidak lebih daripada lima tahun dari tarikh penaksiran risiko bising terdahulu; atau

5.3.8.2 Jika diarahkan untuk berbuat sedemikian oleh JKPP Malaysia.

5.4 Maklumat, Arahan, Latihan dan Penyeliaan

5.4.1 Jika Pegawai berkenaan / JKK **MBIP** mendapati bahawa mana-mana pekerja terdedah kepada bising berlebihan berdasarkan laporan itu hendaklah:

5.4.1.1 Memberikan maklumat yang mencukupi yang berhubungan dengan kesan pendedahan bising ke atas pendengaran seseorang dan kehendak untuk menjalani ujian audiometrik kepada pekerja-pekerja itu;

	PROSEDUR KKP (OPERASI)	TARIKH PINDAAN : 14.5.2024
		NO. PINDAAN : 01
PO-KKP-MBIP-016	PENGURUSAN BUNYI BISING	MUKA SURAT : 8 drp. 13

5.4.1.2 Memberikan latihan dan arahan mengenai penggunaan yang wajar bagi pelindung pendengaran diri kepada warga kerja itu; dan

5.4.1.3 Menyelia pelaksanaan kawalan pendedahan bising di tempat kerja.

5.4.2 Pegawai berkenaan / JKK **MBIP** hendaklah memberikan latihan bagi warga kerjanya sekurang-kurangnya sekali setahun.

5.5 Had Pendedahan Bising

5.5.1 Pegawai berkenaan / JKK **MBIP** hendaklah memastikan bahawa tiada warga kerjanya terdedah kepada:

5.5.1.1 Paras pendedahan bising harian melebihi 85dB(A) atau dos bising diri harian melebihi seratus peratus;

5.5.1.2 Paras tekanan bunyi maksimum melebihi 115dB(A) pada bila-bila masa; atau

5.5.1.3 Paras tekanan bunyi puncak melebihi 140dB(C).

5.5.2 Pegawai berkenaan / JKK **MBIP** mendapati bahawa mana-mana pekerja terdedah kepada bising berlebihan melebihi had berdasarkan laporan, WP / Pengarah Jabatan Kesihatan Awam / JKK **MBIP** hendaklah mengambil apa-apa langkah untuk mengurangkan bising berlebihan itu.

5.5.3 Pegawai berkenaan / JKK **MBIP** hendaklah sebelum mengambil langkah-langkah membuat penilaian sama ada adalah praktik untuk mengurangkan bising berlebihan itu dengan cara kawalan kejuruteraan atau kawalan pentadbiran.

5.5.4 Jika setelah penilaian yang dibuat itu selesai dan didapati bahawa:

5.5.4.1 Adalah praktik untuk mengurangkan bising berlebihan itu dengan kawalan kejuruteraan, pihak pengurusan hendaklah mengurangkan bising berlebihan itu dengan kawalan kejuruteraan itu;

5.5.4.2 Adalah tidak praktik untuk mengurangkan bising berlebihan itu dengan kawalan kejuruteraan semata-mata, pihak pengurusan hendaklah mengurangkan bising berlebihan itu dengan kawalan kejuruteraan bersama dengan kawalan pentadbiran;

5.5.4.3 Adalah tidak praktik untuk mengurangkan bising berlebihan itu dengan kawalan kejuruteraan bersama dengan kawalan pentadbiran, pihak pengurusan hendaklah mengurangkan bising berlebihan itu dengan kawalan pentadbiran semata-mata, dan

	PROSEDUR KKP (OPERASI)	TARIKH PINDAAN : 14.5.2024
		NO. PINDAAN : 01
PO-KKP-MBIP-016	PENGURUSAN BUNYI BISING	MUKA SURAT : 9 drp. 13

5.5.4.4 Adalah tidak praktik untuk mengurangkan bising berlebihan itu dengan kawalan pentadbiran, pihak pengurusan hendaklah mengambil langkah-langkah lain yang berkesan, yang hendaklah termasuk pelindung pendengaran diri, untuk mengurangkan bising berlebihan itu.

5.5.5 Pegawai berkenaan / JKK **MBIP** hendaklah membuat laporan mengenai penilaian itu, dan hendaklah apabila diminta secara bertulis oleh JKKP Malaysia memberikan sesalinan laporan itu dalam masa tiga puluh hari selepas permintaan itu diterima.

5.5.6 Jika Pegawai berkenaan / JKK **MBIP** mengurangkan bising berlebihan itu dengan kawalan kejuruteraan, pihak pengurusan hendaklah memastikan bahawa kawalan kejuruteraan itu disenggara dalam keadaan efisien dan boleh digunakan.

5.6 Pelindung Pendengaran Diri

5.6.1 Jika Pegawai berkenaan / JKK **MBIP** menyediakan pelindung pendengaran diri kepada seorang pekerja untuk mengurangkan bising berlebihan, pihak pengurusan hendaklah memastikan bahawa pelindung pendengaran diri itu:

5.6.1.1 Sesuai dan efisien;

5.6.1.2 Diperiksa dengan sewajarnya, disenggara dan dijadikan tersedia pada setiap masa;

5.6.1.3 Akan secara munasabahnyanya mengurangkan pendedahan bising diri pekerja itu di bawah had apabila pelindung pendengaran diri itu dipakai dengan sewajarnya; dan

5.6.1.4 Diluluskan oleh JKKP Malaysia.

5.7 Zon Perlindungan Pendengaran

5.7.1 Pegawai berkenaan / JKK **MBIP** hendaklah memastikan bahawa mana-mana kawasan di tempat kerja di mana seseorang terdedah kepada bising berlebihan melebihi had:

5.7.1.1 Ditandakan dengan perkataan "ZON PERLINDUNGAN PENDENGARAN" atau dengan apa-apa cara yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh JKKP Malaysia; dan

5.7.1.2 Setakat yang boleh dilaksanakan, ditandakan dan dikenal pasti dengan tanda amaran yang sesuai.

5.7.2 Pegawai berkenaan / JKK **MBIP** hendaklah:

	PROSEDUR KKP (OPERASI)	TARIKH PINDAAN : 14.5.2024
		NO. PINDAAN : 01
PO-KKP-MBIP-016	PENGURUSAN BUNYI BISING	MUKA SURAT : 10 drp. 13

5.7.2.1 Menyediakan pelindung pendengaran diri di mana-mana zon perlindungan pendengaran; dan

5.7.2.2 Memastikan bahawa mana-mana pekerja atau orang lain menggunakan pelindung pendengaran diri yang disediakan semasa berada di zon perlindungan pendengaran.

5.8 Ujian Audiometrik

5.8.1 Jika laporan penaksiran risiko bising menunjukkan bahawa mana-mana pekerja terdedah kepada bising berlebihan melebihi had, Pegawai berkenaan / JKK **MBIP** hendaklah menyebabkan ujian audiometrik dijalankan ke atas pekerja itu setiap tahun.

5.8.2 Bagi maksud menjalankan ujian audiometrik, Pegawai berkenaan / JKK **MBIP** hendaklah melantik pusat ujian audiometrik yang diluluskan oleh JKKP Malaysia.

5.8.3 Pusat ujian audiometrik itu hendaklah melantik doktor kesihatan pekerjaan untuk mentafsirkan audiogram pekerja berdasarkan ujian audiometrik yang telah dijalankan ke atas warga kerja itu.

5.8.4 Jika doktor kesihatan pekerjaan itu menentukan mana-mana pekerja mempunyai audiogram yang abnormal, doktor kesihatan pekerjaan itu hendaklah menjalankan pemeriksaan perubatan ke atas warga kerja itu.

5.8.5 Pemeriksaan perubatan hendaklah termasuk mendapatkan sejarah perubatan, pemeriksaan fizikal dan siasatan berkaitan yang lain untuk mendiagnosis atau mengetepikan apa-apa gangguan pendengaran pekerjaan atau bukan pekerjaan.

5.8.6 Jika doktor kesihatan pekerjaan telah memeriksa warga kerja dan berpendapat bahawa pekerja itu mempunyai kehilangan pendengaran disebabkan bising pekerjaan, kecacatan pendengaran pekerjaan atau anjakan ambang standard kekal pekerjaan, doktor kesihatan pekerjaan itu hendaklah memberitahu JKKP Malaysia dalam masa tujuh (7) hari selepas pemeriksaan perubatan itu.

5.8.7 Pusat ujian audiometrik itu hendaklah mengemukakan laporan ujian audiometrik kepada pihak pengurusan dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh ujian audiometrik dijalankan.

5.8.8 Apabila laporan diterima, Pegawai berkenaan / JKK **MBIP** hendaklah memberitahu keputusan ujian audiometrik itu kepada pekerja dalam masa dua puluh satu hari selepas menerima laporan itu.

5.8.9 Jika laporan ujian audiometrik itu menunjukkan bahawa mana-mana pekerja mempunyai anjakan ambang standard sementara, Pegawai berkenaan / JKK **MBIP** hendaklah:

	PROSEDUR KKP (OPERASI)	TARIKH PINDAAN : 14.5.2024
		NO. PINDAAN : 01
PO-KKP-MBIP-016	PENGURUSAN BUNYI BISING	MUKA SURAT : 11 drp. 13

5.8.9.1 Menyebabkan ujian semula dijalankan oleh pusat ujian audiometrik ke atas pekerja itu dalam masa tiga bulan selepas ujian audiometrik terdahulu dijalankan; dan

5.8.9.2 Mengambil apa-apa langkah untuk melindungi pendengaran pekerja itu daripada menjadi lebih teruk.

5.8.10 Jika laporan ujian audiometrik itu menunjukkan bahawa mana-mana pekerja mempunyai kehilangan pendengaran disebabkan bising pekerjaan, kecacatan pendengaran pekerjaan atau anjakan ambang standard kekal pekerjaan, Pegawai berkenaan / JKK **MBIP** hendaklah:

5.8.10.1 Memberitahu Pengarah pejabat JKKP Malaysia yang terhampir dalam masa tujuh hari selepas menerima laporan;

5.8.10.2 Memberikan pelindung pendengaran diri kepada pekerja itu jika tiada pelindung pendengaran diri diberikan kepada warga kerja itu sebelum ini; dan

5.8.10.3 Melatih warga kerja itu tentang penggunaan pelindung pendengaran diri.

5.8.11 Bagi maksud paraturan ini, “doktor kesihatan pekerjaan” ertinya pengamal perubatan yang berdaftar dengan Ketua Pengarah JKKP Malaysia untuk mengendalikan program pengawasan perubatan warga kerja.

5.9 Kewajipan **MBIP** Apabila Ujian Audiometrik Dijalankan

5.9.1 Bagi maksud ujian audiometrik, Pegawai berkenaan hendaklah:

5.9.1.1 Memastikan bahawa ujian audiometrik itu dijalankan tanpa kos kepada warga kerja;

5.9.1.2 Memastikan bahawa ujian audiometrik dijalankan dalam masa tiga bulan selepas warga kerja itu mula bekerja di mana-mana kawasan tempat kerja yang terdedah kepada bising melebihi had;

5.9.1.3 Memastikan bahawa ujian audiometrik dijalankan selepas warga kerja itu diletakkan dalam keadaan senyap selama sekurang-kurangnya empat belas jam tanpa bantuan pelindung pendengaran diri.

5.9.2 Bagi maksud perenggan “senyap” ertinya tiada pendedahan kepada paras tekanan bunyi melebihi 80dB(A).

5.10 Rekod Hendaklah Disimpan

	PROSEDUR KKP (OPERASI)	TARIKH PINDAAN : 14.5.2024
		NO. PINDAAN : 01
PO-KKP-MBIP-016	PENGURUSAN BUNYI BISING	MUKA SURAT : 12 drp. 13

5.10.1 Pegawai berkenaan hendaklah menyimpan dan menyenggara rekod yang mengandungi yang berikut:

5.10.1.1 Laporan penaksiran risiko bising selama tempoh tidak kurang daripada (30) tiga puluh tahun; dan

5.10.1.2 Laporan ujian audiometrik pekerjaanya selagi pekerja itu diambil kerja oleh majikan itu dan selama tempoh lima tahun selepas pekerja itu terhenti menjadi warga kerja.

5.10.2 Jika **MBIP** terhenti daripada menjalankan perniagaan dan orang lain mengambil alih operasi itu, pihak pengurusan hendaklah menyerahkan semua rekod kepada orang lain yang mengambil alih operasi itu, dan orang lain itu hendaklah menyimpan dan menyenggara rekod itu.

5.10.3 Apabila habis tempoh. **MBIP** hendaklah memberi JKKP Malaysia sekurang-kurangnya tiga bulan notis secara bertulis mengenai niatnya untuk melupuskan rekod itu, dan pihak pengurusan hendaklah memindahkan rekod itu kepada JKKP Malaysia, jika diminta sedemikian.

6.0 RUJUKAN

6.1 Dokumen Rujukan

6.1.1 MS ISO 45001:2018

6.1.1.1 Klausu 8.1 Perancangan dan Kawalan Operasi

6.1.2 Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pendedahan Bunyi Bising) 2019

6.1.3 Industry Code of Practice for Management of Occupational Noise Exposure and Hearing Conservation 2019

6.2 Dokumen Berkaitan

6.2.1 Prosedur

6.2.1.1 PP-KKP-MBIP-003: Pengurusan Risiko dan Peluang

6.2.1.2 PP-KKP-MBIP-004: Pengenalpastian Hazard Serta Penaksiran Risiko dan Peluang

6.2.1.3 PO-KKP-MBIP-024: Pengurusan Peralatan Perlindungan Diri

6.2.2 Borang

6.2.2.1 Tidak Berkaitan



PROSEDUR KKP (OPERASI)

TARIKH PINDAAN : 14.5.2024

NO. PINDAAN : 01

PO-KKP-MBIP-016

PENGURUSAN BUNYI BISING

MUKA SURAT : 13 drp. 13

7.0 LAMPIRAN

7.1 Tidak Berkaitan